

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 28

BMI semak turun unjuran KDNK 2023 kepada 4.0 peratus

BMI semak turun unjuran KDNK 2023 kepada 4.0 peratus

BMI firma di bawah Fitch Solutions menyemak turun unjuran bagi pertumbuhan Keharuan Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia kepada 4.0 peratus bagi 2023 daripada 4.2 peratus sebelum ini.

BMI menjelaskan, bacaan lebih lemah berbanding jangkaan bagi suku kedua 2023 menyebabkan unjuran pertumbuhan 2023 sebanyak 4.2 peratus sebelum ini dilihat terlalu optimis, memandangkan data itu menunjukkan ekonomi tempatan mesti berkembang pada purata 4.1 peratus tahun kelepas pada separuh kedua tahun ini.

"Walau bagaimanapun, ia masih menjadi cabaran untuk dicapai memandangkan permintaan global semakin lemah dan keadaan monetari yang ketat," tambahnya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut BMI, analisis lanjut terhadap angka KDNK terkini menunjukkan peningkatan sumbangan pelaburan kepada pertumbuhan KDNK sebenar daripada 0.9 mata peratusan (pp) pada suku pertama 2023 kepada 1.1 pp pada suku kedua.

Walau bagaimanapun, momen ini dijangkakan tidak lama kerana kos pinjaman yang tinggi akan menjadikan minat perniagaan domestik dan asing untuk meminjam dan melabur, jelas BMI.

Bagi menggambarkan perbelanjaan yang kekal untuk perbelanjaan, Indeks Pengurusan Pembelian (IPP) pembuatan Malaysia mencapai 47.8 pada Julai 2023, bulan ke-11 berturut-turut sejaya di bawah purata 50 sejak gus membayangkan penguncian.

"Melanjutkan cabaran domestik, kami merasukalkan pandangan bahawa kelemahan permintaan global akan mengekang prestasi eksport Malaysia tahun ini.

"Sempangnya, eksport bersih mengeharukan 0.7 pp daripada pertumbuhan KDNK pada suku kedua, membesar kan -2.3 pp yang dicatatkan pada suku pertama. Angka nominal bagi 2023 setakat ini menunjukkan lagi eksport mengungcup secara purata 5.0 peratus tahun ke tahun bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, dengan penguncian ketara sebanyak 14.0 peratus tahun ke tahun pada Jun, walaupun ini berkurangan kepada -13 peratus tahun ke tahun pada Julai.

"Walau bagaimanapun, kehanyaran kelemahan kini mungkin tidak menjadikan kita," menurutnya.

Daya tahan ekonomi Malaysia didorong, terutama oleh penggunaan namun, BMI menganggapkan kekuatan ini akan tidak stabil memandangkan kesesuaian keadaan monetari yang ketat mempengaruhi ekonomi.

BERNAMA